

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TEMPAT LETAK KENDERAAN BERAT

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah aduan berkenaan tempat letak kenderaan berat di kawasan perumahan yang diterima oleh PBT-PBT untuk tahun 2015, 2016, 2017?
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- Jumlah aduan yang diterima oleh PBT berkenaan kenderaan berat yang diletakkan di kawasan perumahan bagi tahun **2015** adalah sebanyak **851 aduan**, **2016** sebanyak **922 aduan** dan **2017** sebanyak **1,034 aduan**. Pecahan mengikut PBT seperti berikut:

BIL.	PBT	Bilangan aduan tempat letak kenderaan berat di kawasan perumahan		
		2015	2016	2017
1.	MBSA	117	102	147
2.	MBPJ	35	41	46
3.	MPSJ	123	149	178
4.	MPS	74	77	43
5.	MPKj	143	107	116
6.	MPK	222	289	376
7.	MPAJ	20	29	24
8.	MPSp	15	12	26
9.	MDKS	7	11	10
10.	MDKL	65	73	59
11.	MDSB	11	16	5
12.	MDHS	19	16	4
JUMLAH		851	922	1034

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- Bagi mengatasi masalah aduan parkir kenderaan berat di kawasan perumahan, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan

Negeri Selangor Bil. 1/2017 pada 13 Januari 2017 memutuskan agar semua PBT perlu merancang dan mengenal pasti tanah lapang yang bersesuaian sebagai tapak parkir kenderaan berat berikutan banyak aduan telah diterima termasuk daripada pemilik kenderaan berat sendiri bagi memaklumkan bahawa tiada tapak parkir kenderaan berat disediakan di kawasan perumahan mereka.

Selain itu, PBT juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah kesalahan Undang-Undang Kecil (UUK) Taman Seksyen 7(1) tindakan kompaun, sita dan notis juga diberi kepada pesalah -pesalah yang mengingkari arahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : PERKHIDMATAN E-BIL AIR SELANGOR

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bil Air Selangor mengikut wilayah setakat ini.
- b) Nyatakan langkah-langkah Air Selangor yang diambil bagi memastikan perkhidmatan pos boleh menghantar bil air ke rumah pelanggan tanpa kelewatan.

JAWAPAN:

- a) Setakat 17 Ogos 2018, pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bill iaitu bersetuju untuk menerima bil air melalui email sebanyak 259,900 iaitu bersamaan 11% dari keseluruhan pelanggan.

Peratusan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bill Air Selangor mengikut wilayah setakat ini adalah seperti berikut

Wilayah	Jumlah Akaun	Jumlah akaun yang mendaftar E-billing	%
00 Kuala Lumpur	241,478	28,610	11%
10 Gombak	318,655	32,640	13%
20 Petaling	559,793	67,379	26%
30 Klang	414,379	42,870	16%
40 Hulu Langat	279,559	32,940	13%
50 Kuala Langat	91,698	8,790	3%
60 Hulu Selangor	147,811	16,970	7%
70 Kuala Selangor	73,991	6,590	3%
80 Sabak Bernam	37,479	2,641	1%

90 Sepang	123,288	20,470	8%
TOTAL	2,288,131	259,900	11%

b) Langkah-langkah Air Selangor yang diambil bagi memastikan perkhidmatan pos boleh menghantar bil air ke rumah pelanggan tanpa kelewatan:

- Air Selangor telah mengadakan perbincangan bersama pihak Pos Malaysia pada bulan Februari 2018 berkenaan kelewatan penghantaran bil air kepada pelanggan Air Selangor dan pihak Pos Malaysia akan memastikan ianya dapat diatasi segera.
- Air Selangor dimaklumkan oleh Pihak Pos Malaysia bahawa terdapat lebih kurang 18,000 pengguna di Selangor yang mana alamat premis mereka terletak di bawah Pusat Pungutan Setempat. Pihak Pos Malaysia hanya menghantar surat/bil mereka di satu tempat yang ditetapkan seperti kedai runcit, rumah penghulu dan sebagainya. Air Selangor sedang berusaha untuk mengenalpasti akaun-akaun yang terbabit dengan bantuan Pos Malaysia supaya bil-bil air tersebut akan diserahkan oleh kakitangan Air Selangor ke alamat masing-masing.
- Inisiatif Air Selangor bersama Pos Malaysia untuk mengujudkan satu bengkel bagi mengenalpasti kelemahan di dalam proses penghantaran bil-bil air ke premis-premis pelanggan di mana isu-isu seperti berikut akan dibincangkan:
 - i. Memahami struktur alamat dan proses pengemaskinian alamat oleh Pos Malaysia
 - ii. Memahami kriteria penetapan ‘Call Points’ Pos Malaysia
 - iii. Cadangan aliran proses menangani bil-bil yang dikembalikan
 - iv. Penetapan ‘Service Level Agreement’ bersama Pos Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR)
2003**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan susulan MMKN selepas mesyuarat MAIS dengan orang berkepentingan yang dilaporkan memutus untuk mencadangkan pindaan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang melibatkan had umur minimum bagi perkahwinan di bawah umur bagi orang-orang Islam di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Rang Undang-Undang ini akan dibentangkan dalam sidang kali ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SISTEM SEMAK DAN IMBANG KERAJAAN YANG KUAT

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan bercadang mewujudkan sistem semak dan imbang yang kuat terhadap Kerajaan dan semua agensi, anak syarikat dan badan berkanun di bawahnya selepas kemenangan besar di dalam PRU14 lalu?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MENAIK TARAF PASAR WARISAN

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Pasar Warisan Selayang bagi meningkatkan keselesaan kepada peniaga dan penjaja rata-rata terdiri daripada warga emas?

JAWAPAN:

- a) Majlis tiada perancangan untuk menaiktaraf pasar pagi sedia ada di Selayang Baru tetapi Kerajaan Negeri melalui projek penswastaaan telah membina dan menyiapkan Pasar Moden di tapak berhampiran. Proses penyerahan kepada Majlis masih lagi diuruskan oleh UPEN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANJIR KILAT

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kawasan-kawasan kritikal banjir kilat di Semenyih, Beranang, Bangi dan Kajang.
- b) Apa usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan ini?
- c) Berapa banyak bantuan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan ini pada 2016 sehingga kini mengikut kawasan.

JAWAPAN:

- a) Senarai kawasan kritikal banjir kilat di Semenyih, Beranang, Bangi dan Kajang adalah seperti berikut:
 - I) Semenyih – Hotspot banjir bermula Bt.3 sehingga ke Bt.5
 - II) Beranang – tiada
 - III) Bangi – tiada
 - IV) Kajang – Pekan Kajang, Kg Bukit Dukong dan Kg Sg Jerneh
- b) Usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan ini adalah:

i) Semenyih

Semenyih – Rancangan Tebatan Banjir Sungai Semenyih di Kampung Bt.3 Mukim Semenyih telah mula dilaksanakan pada 1 November 2016 sehingga selesai sepenuhnya pada 4 April 2018. Sejak siapnya projek ini tiada kejadian banjir dilaporkan.

ii) Kajang

Pekan Kajang – Projek membaikpulih dan penstabilan Sungai Jeluh di Pekan Kajang, Daerah Hulu Langat telah mula dilaksanakan pada 31 Mac 2015 dan

disiapkan sepenuhnya pada 30 Mac 2016 dengan kos RM4.8 juta. Sejak siap projek tersebut, Pekan Kajang telah selamat sepenuhnya daripada banjir.

Kg Sg Jerneh- Kerja-kerja mencucigali Sungai Jerneh dan pemasangan Flap Gate telah siap dilaksanakan pada Mei 2018 dengan kos RM40,000.00. Lembaga Lebuhraya Malaysia juga telah mengarahkan Lebuhraya Grandsaga untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan kos RM45,000.00

Kg Bukit Dukong - Kerja-kerja Kecemasan Luar Jangka Sungai Long di Kampung Bukit Dukong Mukim Cheras telah ditawarkan pada 16 Julai 2018 dengan kos RM237,750.00. Kini projek tersebut dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 29 Oktober 2018.

- c) Berikut adalah jumlah bantuan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan Semenyih, Beranang, Bangi dan Kajang :

MUKIM SEMENYIH				
TAHUN	KAWASAN	KELUARGA	WANG IHSAN PER KELUARGA (RM)	JUMLAH (RM)
2016	-	-	-	-
2017	Kg. Pasir Baru	30	250.00	7,500.00
2018	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				7,500.00

MUKIM BERANANG				
TAHUN	KAWASAN	KELUARGA	WANG IHSAN PER KELUARGA (RM)	JUMLAH (RM)
2016	Kg. Sesapan Batu Minangkabau	3	250.00	750.00
	Kg.Rinching Hilir	25	250.00	6,250.00
2017	-	-	-	-
2018	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				7,000.00

MUKIM BANGI				
TAHUN	KAWASAN	KELUARGA	WANG IHSAN PER KELUARGA (RM)	JUMLAH (RM)

2016	Kg. Bangi	68	250.00	17,000.00
2017	-	-	-	-
2018	Kg. Bangi	11	250.00	2,750.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				19,750.00

MUKIM KAJANG				
TAHUN	KAWASAN	KELUARGA	WANG IHSAN PER KELUARGA (RM)	JUMLAH (RM)
2016	-	-	-	-
2017	Batu 13 ¾ Kg. Sg. Jernih, Mukim Kajang	84	250.00	21,000.00
2018	Kg. Sri Jambu, Kajang	17	250.00	4,250.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				25,250.00

Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah memberikan sumbangan bantuan berbentuk pek makanan kering kepada keluarga mangsa banjir di kawasan tersebut dengan jumlah RM50.00 bagi 1 keluarga yang mengandungi :

- Beras 5 KG – 1 pek
- Biskut – 1 pek
- Gula 1 KG – 1 pek
- Mi Segera – 1 pek
- Susu Manis 1 tin
- Sardin – 1 tin
- Jem Kaya – 1 tin
- Sambal Ikan Bilis – 1 tin

Bantuan-bantuan lain juga turut diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Negeri Selangor berbentuk kit bencana kepada mangsa-mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan seperti :

- Selimut
- Tilam Nipis
- Bantal
- Tikar
- Pakaian dewasa dan kanak-kanak
- Kain Batik / Pelikat
- *Toiletry* kit

- Dan lain-lain barang keperluan asas bergantung kepada keperluan mangsa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)

TAJUK : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah penduduk dan infrastruktur yang ada di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) sudah mencukupi syarat dan kelayakan untuk dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Apakah status naik taraf MDKS kepada MPKS?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) sebelum ini telah mengemukakan permohonan kertas cadangan untuk menaik taraf Majlis Daerah Kuala Selangor kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada September 2016.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri pada ketika itu berpendapat bahawa MDKS masih belum bersedia untuk dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Walaupun MDKS telah memenuhi tujuh (7) kriteria yang ditetapkan untuk dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran, faktor-faktor lain juga perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam mempertimbangkan permohonan MDKS. Antara faktor tersebut adalah:

- i. Kemampuan MDKS untuk menyediakan perkhidmatan kepada rakyat sebagai sebuah Majlis Perbandaran;
- ii. Penarafan MDKS kepada MPKS turut akan menyebabkan kenaikan nilai tanah yang mana ini akan memberi kesan kepada rakyat yang akan terpaksa membayar cukai seperti cukai taksiran yang lebih tinggi;
- iii. Kenaikan taraf kepada perbandaran juga perlulah selari dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh MDKS. Justeru, ini akan memerlukan MDKS menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih;
- iv. Akhir sekali, kenaikan taraf MDKS kepada MPKS juga akan menyebabkan MDKS terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi yang disumbangkan antaranya kenaikan gaji pegawai dan kakitangan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa mempertimbangkan permohonan untuk menaik taraf sesbuah PBT termasuklah permohonan MDKS apabila Kerajaan Negeri berpendapat semua pihak termasuk PBT dan rakyat telah bersedia dalam menerima kesan-kesan daripada naik taraf tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : CUKAI PINTU

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar cukai pintu di Selangor mengikut jenis/kategori.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kadar cukai pintu tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai pintu adalah berbeza di antara PBT-PBT Negeri Selangor berikutan aras nilian tahunan yang berbeza di mana yang terkini adalah di MBSA pada tahun 2006. Kadar cukai pintu mengikut jenis/ kategori di PBT Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri telah menerima beberapa permohonan dari PBT Negeri Selangor bagi semakan semula aras tahunan yang berkuatkausa di mana ianya memberi kesan langsung kepada cukai taksiran akan dikenakan ke atas pegangan di kawasan PBT. Perkara ini akan dilihat dan dikaji secara menyeluruh dan memastikan ianya tidak akan membebankan rakyat.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Aras Nilaian 1 Januari 2006

JENIS	BANGUNAN	TANAH KOSONG
Kediaman	4.0%	3.5%
Kediaman Bertingkat	3.5%	3.5%
Pangsapuri Perkhidmatan	5.0%	6.5%
Perdagangan	7.0%	6.5%
Perindustrian	7.5%	7.0%
Pertanian	2.0%	1.0 %
Tanah Pembangunan	-	3.5%

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Aras Nilaian 1 Januari 1992

BIL	KAWASAN	JENIS PEGANGAN	KADAR (%)
1	Seksyen 1, 2, 3, Seri Setia, Kampung Baru Damansara (Seksyen 17A), PJS 2,4,6 dan sebahagian PJS 10) <i>(Kawasan Simpanan Melayu dan Membangun)</i>	Kediaman	7.7%
		Lain-Lain Pegangan	8.8%
2	Kampung Kayu Ara, Kayu Ara Indah, Kampung Cempaka dan semua kampong tradisional di Petaling Jaya <i>(Kawasan Belum Membangun)</i>	Semua Pegangan	5.5%
3	Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara	Rumah Kos Rendah Sahaja (bukan bertingkat)	7.7%
4	Sri Damansara, Mayang Mas dan Megah Mas <i>(Diambilalih daripada MDP)</i>	Kediaman/ Tanah Kosong	5.5%
		Lain-Lain Pegangan	6.6%
		Kediaman bertkt	5%
5	Semua Kawasan yang tidak termasuk dalam 1-4 di atas <i>(Kawasan Maju)</i>	Semua Pegangan	8.8%
6	Petaling Jaya Utara	Tanah Pertanian	5.5%
7	Semua Kawasan Petaling Jaya Kediaman Bertingkat	Flat Kos Rendah	5%
		Flat, Apartmen dan Kondominium (kecuali item 4)	6%
		Pangsapuri Servis	6.6%

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
Aras Nilaian 1 Januari 1993

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran			
		Kediaman/ Pertanian	Tanah Kosong (Kediaman)	Perindustrian /Perniagaan	Tanah Kosong (Perindustrian/ Perniagaan)
1.	Pusat Perdagangan	10.5%	10.5%	11.5%	11.5%
2.	Kawasan Maju	9.5%	9.5%	10.5%	10.5%
3.	Sedang membangun	6.5%	6.5%	7.5%	7.5%
4.	Simpanan Melayu	2.2%	2.2%	3.25%	3.25%

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
Aras Nilaian 1 Januari 1992**

- i. Kediaman - 8%
- ii.. Perniagaan - 8%
- iii. Perindustrian- 8%
- iv. Pertanian - 8%
- v. Syabas - 8%

Aras Nilaian 1 Januari 1996

- i. Kediaman - 5%
- ii.. Perniagaan - 6%
- iii. Perindustrian- 6%
- iv. Pertanian - 2%
- v. Syabas - 3%

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Aras Nilaian 1 Januari 1997

BIL	JENIS GUNATANAH	KADAR
1.	Kediaman	5.5%
2.	Perniagaan	6.6%
3.	Industri	7.15%
4.	Tanah Pertanian	1.1%
5.	Kampung (Bukan Rezab Melayu)	2.2%
6.	Kampung (Rezab Melayu)	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Aras Nilaian 1 Januari 1992

Bil	Jenis / Kategori	Kadar (%)
1	Semua jenis pegangan perusahaan dalam kawasan Majlis	12.0%
2	Semua jenis pegangan perniagaan dalam kawasan Majlis	10.8%
3	Semua jenis pegangan kediaman dalam kawasan Majlis	8.6%
4	Semua jenis pegangan kediaman Pangsa Kos Rendah	8.0%
5	Semua jenis pegangan kediaman dalam kawasan sederhana baik	6.5%
6	Semua pegangan bercampur (Tanah Mukim)	5.0%
7	Semua pegangan dalam kawasan Kg. Baru, Kg. Tradisi dan Tanah Pertanian kecuali perindustrian dan perniagaan	4.0%

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
Aras Nilaian 1 Januari 1985

JENIS PEGANGAN	KAWASAN SIMPANAN MELAYU	KAWASAN BELUM MEMBANGUN	KAWASAN MEMBANGUN	KAWASAN MAJU
KEDIAMAN	2.2%	4.4%	7.7%	8.8%
PERNIAGAAN/KEDAI	3.3%	8.25%	8.8%	9.9%
PERKILANGAN/PERUSAHAAN	4.4%	9.35%	9.9%	11.0%
INSTITUSI	-	-	5.5%	-
TANAH KOSONG	1.1%	1.1%	1.1%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Aras Nilaian 1 Januari 1996

Bil	Kadar Untuk Bangunan	Kadar Untuk Bangunan	Kadar Untuk Tanah Kosong
1	Kediaman	7.35%	4%
2	Perdagangan/komersial	8.40%	4%
3	Perusahaan/perindustrian	9.45%	4%
4	Lapangan Terbang	5.25%	4%
5	Nominal	5.00%	4%

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Aras Nilaian 1 Januari 1996**

- a. Kediaman 9%
- b. Perniagaan 11%
- c. Industri 8%
- d. Tanah Pertanian 1%
- e. Tanah Pembangunan 2%
- f. Splash 3%

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
Aras Nilaian 1 Januari 1987

KOD	KAWASAN	KEDIAMAN	PERNIAGAAN	PERUSAHAAN	PERTANIAN	SYABAS
01	TLK PANGLIMA GARANG	11.00%	11.00%	13.00%	1.0%	3.0%
02	SUNGAI JARUM	8.50%	8.50%	8.50%	1.0%	3.0%
03	SUNGAI SEDU	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%	3.0%
04	SUNGAI MANGGIS	11%	14%	14%	1.0%	3.0%
05	TELOK DATOK	13%	14%	14%	1.0%	3.0%
06	BANTING	14.0%	14.0%	14.0%	1.0%	3.0%
07	MORIB	12.0%	13.0%	13.0%	1.0%	3.0%
08	TANJUNG SEPAT	7.5%	7.5%	7.5%	1.0%	3.0%
09	OLAK LEMPIT	12.0%	12.0%	12.0%	1.0%	3.0%
10	SUNGAI LANG	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%	3.0%
15	MORIB / KELANG / BANDAR / JUGRA	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%	3.0%
17	BANTING BARU	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%	3.0%
20	GENTING SANYEN / JLN SALAK TINGGI			12.0%	1.0%	
21	BUKIT CHANGGANG	11.0%	11.0%	11.0%	1.0%	3.0%
30	BANDAR MAHKOTA BANTING / MEGASTEEL	10.0%	10.0%	12.0%	1.0%	3.0%

LAMPIRAN 1

KOD	KAWASAN	KEDIAMAN	PERNIAGAAN	PERUSAHAAN	PERTANIAN	SYABAS
40	BANDAR SERI EHSAN	11.0%	11.0%	12.0%	1.0%	3.0%
50	BANDAR SAUJANA PUTRA	5.5%	6.5%	6.5%	1.0%	3.0%
60	PULAU CAREY		11.0%	13.0%	1.0%	3.0%

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
Aras Nilaian 1 Januari 1997

BIL	KATEGORI	KADAR (%)
1	KEDIAMAN	6% & 7%
2	PERNIAGAAN	8%
3	PERINDUSTRIAN	10 & 12%
4	TANAH PERTANIAN BUKAN RIZAB MELAYU	3%
5	TANAH PERTANIAN RIZAB MELAYU	2%
6	TANAH TOL	1%

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
Aras Nilaian 1 Januari 1986

BIL	KATEGORI	KADAR
1	TANAH PERTANIAN	1 % - 2.5 %
2	KEDIAMAN	5 %
3	PERUMAHAN	11.75 %
4	PERNIAGAAN	7 % -12 %
5	INDUSTRI	13 %

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : TARIF AIR SELANGOR

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan tarif air di Selangor berbanding negeri-negeri lain.
- Bilakah kali terakhir Kerajaan Negeri menaikkan tarif air dan sebabnya?

JAWAPAN:

- Kadar tarif pengguna domestik di Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:-

Negeri	Kadar Tarif
Pulau Pinang	0 – 20m ³ @ RM0.22/m ³ >20m ³ - 40m ³ @ RM0.46/ m ³ >40m ³ - 60m ³ @ RM0.68/ m ³ >60m ³ - 200m ³ @ RM1.17/ m ³ >200m ³ @ RM1.30/ m ³ Surcaj : RM0.48/ m ³ bagi penggunaan air lebih dari 35/ m ³ sebulan Caj minimum : RM2.50
Perak	0 – 10m ³ @ RM0.30/m ³ >10m ³ - 20m ³ @ RM0.70/ m ³ >20m ³ @ RM1.03/ m ³ Caj minimum : RM3.00
Pahang	0 – 18m ³ @ RM0.37/m ³ >18m ³ - 45m ³ @ RM0.79/ m ³ >45m ³ @ RM0.99/ m ³ Caj minimum : RM3.00
Perlis	0 – 15m ³ @ RM0.40/m ³ 15.1m ³ - 40m ³ @ RM0.70/ m ³ >40.1m ³ @ RM1.10/ m ³ Caj minimum : RM4.00
Terengganu	0 – 20m ³ @ RM0.42/m ³ >20m ³ - 40m ³ @ RM0.65/ m ³ >40m ³ - 60m ³ @ RM0.90/ m ³ >60m ³ @ RM2.00/ m ³ Caj minimum : RM5.00

Negeri	Kadar Tarif
Kelantan	0 – 20m ³ @ RM0.45/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM0.97/ m ³ >35m ³ @ RM1.42/ m ³ Caj minimum : RM4.50
Kedah	0 – 20m ³ @ RM0.50/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM0.90/ m ³ >35m ³ @ RM1.30/ m ³ Caj minimum : RM6.00
Negeri Sembilan	0 – 20m ³ @ RM0.55/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM0.85/ m ³ >35m ³ @ RM1.40/ m ³ Caj minimum : RM5.00
Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	0 – 20m ³ @ RM0.57/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM1.03/ m ³ >35m ³ @ RM2.00/ m ³ Caj minimum : RM6.00
Melaka	0 – 20m ³ @ RM0.60/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM0.95/ m ³ >35m ³ @ RM1.45/ m ³ Caj minimum : RM5.00
Wilayah Persekutuan Labuan	0 – 20m ³ @ RM0.70/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM1.20/ m ³ >35m ³ @ RM1.70/ m ³ Caj minimum : RM7.00
Johor	0 – 20m ³ @ RM0.80/m ³ >20m ³ - 35m ³ @ RM2.00/ m ³ >35m ³ @ RM3.00/ m ³ Caj minimum : RM7.00

Secara ringkasnya, tarif air di Selangor adalah di peringkat pertengahan, di mana secara purata ia adalah lebih rendah berbanding Johor, tetapi lebih tinggi berbanding Pulau Pinang. Sebagai contoh, bagi penggunaan domestik sehingga 20 meter padu, Johor mengenakan caj RM0.80 bagi setiap meter padu, berbanding RM0.57 di Selangor dan RM0.22 di Pulau Pinang.

- b) Tarif air yang dikenakan oleh pengguna pada ketika ini adalah mengguna pakai kadar yang diluluskan pada tahun 2006. Kadar yang diluluskan itu adalah berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi SYABAS yang memperuntukkan berkenaan kenaikan tarif pertama SYABAS pada 01 Januari 2006 selepas SYABAS mengambil alih operasi Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) pada 01 Januari 2005.

Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS, telah diperuntukkan kenaikan tarif setiap tiga tahun sekali seperti dalam Jadual berikut:-

BIL	KADAR PURATA TARIF (RM/M ³)	TARIKH KUAT KUASA
1.	1.21	01 Januari 2005
2.	1.39	01 Januari 2006
3.	1.90	01 Januari 2009
4.	2.38	01 Januari 2012
5.	2.86	01 Januari 2015
6.	3.15	01 Januari 2018
7.	3.31	01 Januari 2021
8.	3.48	01 Januari 2024
9.	3.65	01 Januari 2027
10.	3.83	01 Januari 2030

SYABAS telah mengemukakan permohonan kenaikan tarif untuk tahun 2009 hingga 2012, tetapi permohonan tersebut tidak pernah dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Sejak dari itu, selama 12 tahun tidak ada sebarang kenaikan tarif kepada pengguna. Jika merujuk kepada Perjanjian Konsesi SYABAS, kenaikan tarif untuk kali keempat adalah pada 01 Januari 2018 dengan kadar purata sebanyak RM3.15 bagi setiap meter padu berbanding kadar yang sedang dinikmati ketika ini sebanyak RM1.39. Dengan mengambil kira lima kali kenaikan tarif seperti di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, rakyat akan dibebani dengan kenaikan yang dianggarkan berjumlah 127% berbanding dengan tarif yang sedang dinikmati sekarang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : JUDI HARAM DISEBALIK LESEN PUSAT HIBURAN

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisma, kaedah dan syarat-syarat yang diambil kira dalam memberi kelulusan lesen-lesen Pusat Hiburan oleh PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah membuat penguatkuasaan yang tegas dalam membentras pusat judi haram dan memantau aktiviti pelesen pusat hiburan?

JAWAPAN:

- a) Kaedah dan syarat-syarat yang diambil kira dalam memberi kelulusan lesen-lesen Pusat Hiburan adalah seperti berikut:-
 - i. Keadaan premis - Jarak premis antara rumah ibadat, pejabat kerajaan dan institusi pendidikan
 - ii. Jenis aktiviti yang dijalankan
 - iii. Ulasan secara bersepadu daripada agensi luar seperti PDRM, Bomba dan Jabatan Penguatkuasaan.
- b) Kerajaan Negeri memandang serius kegiatan judi haram yang berselindung di sebalik lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK). Untuk itu, pada tahun 2017, bilangan operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PBT adalah berjumlah 774 operasi di mana 94 adalah operasi bersepadu dan 680 adalah operasi tidak bersepadu. Manakala pada tahun 2018 pula sehingga Julai 2018 sebanyak 199 bilangan operasi yang dilaksanakan oleh PBT yang merangkumi 34 bilangan operasi bersepadu dan 165 bilangan operasi tidak bersepadu.

Selain itu, dalam memberi pertimbangan terhadap kelulusan lesen-lesen pusat hiburan, pihak PBT mensyaratkan supaya semua permohonan lesen perlu mendapatkan Permit Polis terlebih dahulu. Ini kerana PBT tiada kepakaran dalam menentukan jenis lesen-lesen hiburan yang mempunyai unsur perjudian atau tidak. Permit Polis tersebut merupakan satu langkah kawalan yang diambil oleh PBT sebelum sesuatu lesen diluluskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR - KISS

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah program Kasih Ibu Smart Selangor KISS akan diteruskan memandangkan keadaan kewangan negara yang terbeban dengan jumlah hutang yang tinggi?
- b) Berapakah jumlah penerima sejak dilancarkan dan berapakah kos yang telah dibelanjakan sepanjang program tersebut dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Puan Dr. Daroyah binti Alwi dari Sementa bertajuk Pelaksanaan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS).

Kerajaan Negeri sedar akan sambutan yang luar biasa daripada kaum ibu di Selangor terhadap Program KISS sejak ia mula dilancarkan pada 22 Januari 2018 yang lalu. Justeru itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan program ini pada tahun seterusnya dengan mempertimbangkan kadar pemberian jumlah saraan langsung secara berperingkat kerana Kerajaan Negeri akan mewujudkan Program *Work From Home* yang boleh menambahkan pendapatan seisi rumah kepada penerima bantuan ini.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, dengan merujuk kepada data yang disediakan oleh pihak Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sehingga 12 Ogos 2018, sebanyak 34,637 orang penerima telah menerima manfaat daripada program ini dan melibatkan kos perbelanjaan berjumlah RM30,237,870.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENDAFTARAN PUSAT TAHFIZ DI SELANGOR

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pendaftaran Pusat-Pusat Tahfiz swasta dan persendirian di Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan Pusat Tahfiz tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sekolah tahfiz yang berdaftar di Negeri Selangor adalah sebanyak 310 buah. 4 daripadanya merupakan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) dengan jumlah pelajar seramai 996 orang. Manakala 306 buah lagi adalah maahad tahfiz persendirian dengan jumlah pelajar seramai 17,616 orang.

Setakat ini, Kerajaan Negeri memantau 54 buah sekolah yang belum berdaftar dengan jumlah murid seramai 889 orang. Namun demikian, Kerajaan Negeri sedar masih terdapat maahad tahfiz persendirian yang beroperasi tanpa kebenaran dan tidak berdaftar.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga peka dengan masa depan pelajar-pelajar tahfiz dengan membantu menyediakan peluang menduduki SPM yang pada masa ini giat dilaksanakan oleh KUIS dan UNISEL.

- b) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dalam memperkasakan pusat tahfiz. Antara perancangannya adalah seperti berikut:
 - i. **Aspek Kurikulum Pendidikan Islam.**
Memastikan kurikulum yang dilaksanakan di Maahad-maahad Tahfiz Persendirian adalah selaras dengan kurikulum-kurikulum yang diperaku oleh MAIS dan JAIS seperti:
 1. Kurikulum Tahfiz MITS kelolaan Kerajaan Negeri Selangor (JAIS)

2. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
 3. Kurikulum-kurikulum yang dicadangkan di dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang sedang dibangunkan oleh Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- ii. **Aspek Kesihatan dan Keselamatan Premis**
Memastikan premis operasi maahad-maahad Tahfiz persendirian adalah menepati syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh agensi berwajib dengan mengemaskini Garis Panduan Am Pengurusan (Penubuhan dan Pendaftaran) Sekolah Agama Islam Negeri Selangor.
- iii. **Kursus dan Latihan**
Menganjurkan kursus dan latihan kepada guru-guru Maahad Tahfiz Persendirian meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran (PDPC), pengurusan, pentadbiran, dan kursus perakuan mengajar guru (permit mengajar).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)

TAJUK : DEWAN KEMASYARAKATAN

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan akan mengambil tindakan atas dewan parti yang kini haram dibina atas tanah kerajaan?
- b) Nyatakan rancangan untuk penyelesaian isu kekurangan dewan di kawasan Bandar Country Homes, Batu Arang, Tasik Puteri dan Kota Puteri.

JAWAPAN:

- a) Ingin dimaklumkan bahawa, kebanyakannya dewan awam yang dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibina di atas tanah kerajaan iaitu di kawasan rezab kemudahan masyarakat setempat dan bukan dikhususkan untuk kegunaan sesebuah organisasi atau mana-mana parti politik.

Sekiranya terdapat sesebuah bangunan atau struktur binaan seperti dewan parti yang dibina di atas tanah kerajaan selain dari rezab-rezab yang dibenarkan tindakan boleh diambil melalui kanun Tanah Negara (KTN) bagi isu tanah dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) bagi struktur binaan.

- b) Mengenai isu kekurangan dewan di kawasan Bandar Country Homes, Batu Arang, Tasik Puteri dan Kota Puteri yang dikategorikan sebagai kawasan pembangunan lama, beberapa langkah awal perlu diambil terlebih dahulu seperti mewartakan tanah rezab bagi tujuan pembinaan dewan. Ini kerana tapak kawasan rezab terdahulu tidak diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama nombor rezab warta dan pelan ukur terperinci. Selepas mendapatkan nombor rezab, pembinaan dewan akan dilakukan melalui kaedah :
 - i. Mengiklan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk membina di atas rezab dewab secara *Built, Operate, Transfer* (B.O.T.) sebagai langkah penjimatan kos pembinaan; dan
 - ii. Membina dewan dengan menggunakan peruntukan pembangunan Majlis sekiranya diluluskan.

Manakala bagi kawasan baru Majlis akan mensyaratkan pihak pemaju menyediakan bangunan dewan bersama salinan nombor warta sebelum serahan pembangunan dalam kelulusan Kebenaran Merancang sebagai salah satu sumbangan *Community Social Responsibility* (CSR).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR SUNGAI LANGAT

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Perikanan Selangor menjalankan kajian kualiti air Sungai Langat di daerah Kuala Langat sama ada bersendirian atau dengan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia memandangkan terhadap aduan pencemaran air sungai yang menyebabkan kematian udang ternakan penternak di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor, KLIA telah menjalankan ujian pensampelan di Sungai Langat dan telah mengambil sampel di tiga(3) lokasi berbeza sepertimana yang telah dilaporkan bermasalah kepada Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Ujian pensampelan tersebut telah diambil di tiga(3) lokasi tersebut tanpa kehadiran Jabatan Alam Sekitar dan sampel yang telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia dan keputusan hasil ujian air di Kawasan tersebut didapati mengandungi kandungan logam berat jenis iron yang tinggi yang boleh memberi kesan negatif terhadap ternakan kolam yang terdapat di Kawasan tersebut dan juga kesihatan awam. Ujian tersebut telah disahkan oleh Jabatan Kimia Negeri Selangor.

Untuk makluman Y.B. pihak jabatan menerima permohonan daripada Persatuan Pernernak di daerah Kuala Langat bertarikh 27 November 2017 untuk menjalankan pemeriksaan kualiti air di sekitar Sungai Kuala Langat yang dipercayai mengandungi kandungan logam berat. Tiga lokasi yang telah dijalankan pemeriksaan kualiti air ialah dua daripadanya di inlet iaitu tempat kemasukan air masuk ke kolam ternakan sekitar Kuala Langat dan satu lagi lokasi di kunci air Sungai Langat. Pihak jabatan akan menjalankan pemeriksaan kualiti air berdasarkan aduan yang diterima oleh pihak pengadu.

SISIPAN TAMBAHAN

Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut:

- i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatan kuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- ii) Melaksanakan dan mengemaskini inventori punca pencemaran di sungai-sungai dalam Negeri Selangor seperti Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang;
- iii) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu, Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan/kerja tanah tidak terkawal;
- iv) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air. Bagi di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pada tahun 2018, pembangunan stesen di Sungai Langat telah siap sepenuhnya;
- v) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012;
- vi) Meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS; dan
- vii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepada bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.

**Sumber maklumat diperolehi daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KERETA TERBIAR

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur PBT untuk melupuskan kereta terbiar?
- b) Butirkan bilangan aduan kereta terbiar yang diterima oleh PBT untuk tahun 2015-2017.
- c) Apakah kapasiti bilangan kereta terbiar yang boleh disimpan oleh MBPJ dan apa rancangan untuk menambahkannya?

JAWAPAN:

- a) Antara garis panduan atau *Standard Operation Procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh PBT untuk melupuskan kenderaan buruk atau terbiar selepas tempoh notis tuntutan tamat adalah berdasarkan beberapa proses berikut:
 - 1) **Kelulusan Pelupusan** dimulakan setelah **tamat tempoh tuntutan selama 30 hari** daripada tarikh serahan notis (bagi kenderaan) kepada pemilik bermula daripada tarikh tindakan sitaan dijalankan atau selepas carian JPJ gagal dijalankan bagi kenderaan yang disebabkan seperti ketiadaan nombor *chasis* atau nombor enjin;
 - 2) **Kaedah pelupusan** akan diputuskan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Jabatan bagi memberi syor pada Laporan Syor Kaedah Pelupusan Barang Sitaan Majlis samada barang/ kenderaan sitaan tersebut sama ada akan dijual, musnah, hadiah atau kaedah-kaedah lain yang setara;
 - 3) **Melantik Saksi** yang terdiri daripada satu (1) wakil jabatan dan satu (1) wakil jabatan dalaman PBT oleh pihak jabatan sebagai Saksi Penyaksian Pelupusan bagi barang/ kenderaan kes yang telah dilucutkan hak oleh mahkamah dan membuat laporan kaedah pelupusan barang sitaan dengan lengkap; dan

- 4) Melaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan menghantar senarai kenderaan dan kaedah pelupusan termasuk Laporan pelupusan lengkap yang meragumi Sijil Penyaksian Pemusnahan Barang Sitaan dan Sijil Pelupusan Barang Sitaan.
- b) Jumlah aduan yang diterima oleh PBT berkenaan kenderaan terbiar bagi tahun **2015** adalah sebanyak **2,544 aduan**, **2016** sebanyak **3,510 aduan** dan **2017** sebanyak **4,101 aduan**. Pecahan mengikut PBT seperti berikut:

BIL.	PBT	BILANGAN ADUAN KENDERAAN TERBIAR		
		2015	2016	2017
1.	MBSA	389	416	470
2.	MBPJ	93	505	775
3.	MPSJ	604	783	991
4.	MPS	305	418	470
5.	MPKj	463	469	570
6.	MPK	121	152	119
7.	MPAJ	318	474	393
8.	MPSp	137	179	200
9.	MDKS	20	22	12
10.	MDKL	56	47	51
11.	MDSB	1	2	3
12.	MDHS	37	43	47
JUMLAH		2,544	3,510	4,101

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- c) Pihak MBPJ telah melaksanakan sewaan tapak depoh di Seksyen 26, Shah Alam seluas 2.7 ekar bagi penyimpanan serta pengurusan kenderaan terbiar sejak tahun 2016. Kapasiti sebenar bilangan kenderaan terbiar yang boleh ditempatkan didalam depoh tersebut adalah di antara 700 hingga 800 buah kenderaan pada satu-satu masa. Pihak MBPJ juga akan memperbaharui terma dan kontrak sewaan bagi tempoh setahun sehingga mendapat lokasi depoh yang lebih sesuai di dalam kawasan pentadbiran MBPJ yang dapat mengurangkan kos perbelanjaan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : TEBING DAN BANJIR DI SUNGAI KAYU ARA

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan bajet JPS Selangor untuk memperkuuhkan tebing Sungai Kayu Ara di seluruh bawah DUN Bandar Utama?
- b) Apakah rancangan dan bajet JPS Selangor untuk mendalamkan laluan Sungai Kayu Ara di kawasan Kampung Chempaka yang kerap banjir sejak kebelakangan ini?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah melantik perunding rekabentuk bagi Projek Pengukuhan Tebing Sungai Kayu Ara. Skop utama rekabentuk meliputi kerja-kerja pengukuhan dan pemberian tebing Sungai Kayu Ara, pembinaan struktur '*energy dissipator*' dan pembinaan kolam takungan banjir. Anggaran kos perlaksanaan projek ini adalah RM4 Juta.

Status pelaksanaan rekabentuk projek ini adalah sebagaimana berikut:

Perunding	:	Perunding FZS
Kos Perunding	:	RM281,870.00
Tarikh Mula	:	16.10.2017
Tarikh Siap	:	15.06.2019

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor masih lagi berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek ini. Ia dijangka dapat dimulakan setelah peruntukan diperolehi.

- b) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor tidak bercadang untuk melaksanakan kerja-kerja mendalamkan Sungai Kayu Ara memandangkan kedalaman sediada masih mengikut aras rekabentuk kedalaman Sungai Kayu Ara. Bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Chempaka, Projek Pengukuhan Tebing Sungai Kayu Ara sebagaimana para (a) di mana skop projek iaitu

pembinaan kolam takungan banjir dan pembinaan struktur ‘*energy dissipator*’ dijangka dapat mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

Maklumat Tambahan:

Punca masalah banjir yang berlaku di Kampung Chempaka adalah kerana kawasan berkenaan berada di kawasan rendah. Ini menyebabkan Kg Chempaka sering dilanda banjir kilat sekiranya berlaku hujan lebat kerana semua air larian permukaan akan tertumpu di kawasan rendah iaitu Kg Chempaka sebelum keluar ke sungai Kayu Ara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MENANGANI WABAK DENGGI

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menangani masalah wabak denggi yang sering berlaku melanda di Negeri Selangor terutamanya di DUN Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 15, 93, 141, 181 dan 225.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT KESIHATAN

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan yang disalurkan bagi setiap Pusat Kesihatan di setiap daerah di Selangor?
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menaiktaraf Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Desa di kawasan Dun Semenyih?

JAWAPAN:

- a) Agihan peruntukan di bawah aktiviti 020200 telah disalurkan ke semua PKD di Selangor pada awal tahun 2018 seperti maklumat di bawah:

i.	PKD Petaling	: RM4,050,000.00
ii.	PKD Gombak	: RM3,195,000.00
iii.	PKD Hulu Langat	: RM4,150,000.00
iv.	PKD Klang	: RM3,260,000.00
v.	PKD Kuala Selangor	: RM1,800,000.00
vi.	PKD Kuala Langat	: RM1,660,000.00
vii.	PKD Hulu Selangor	: RM1,640,000.00
viii.	PKD Sabak Bernam	: RM1,430,000.00
ix.	PKD Sepang	: RM1,500,000.00
x.	JUMLAH	: RM22,685,000.00
- b) Di dalam kawasan N24 Semenyih terdapat 3 buah Klinik Kesihatan dan 6 buah Klinik Desa. Usaha-usaha yang telah dan akan diambil tindakan di dalam menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan adalah seperti berikut:
 - i. Klinik Kesihatan Beranang dan Semenyih merupakan sebuah klinik kesihatan jenis "Bettle". Pihak PKD Hulu Langat telah memohon untuk menaiktaraf kepada klinik kesihatan jenis 3, bersama kuarters di dalam RMK 11 ROP 4 dan keputusan permohonan tersebut belum dapat diketahui lagi.

- ii. Bagi Klinik Kesihatan Bandar Seri Putra tiada cadangan untuk menaiktaraf klinik kerana klinik tersebut merupakan klinik kesihatan baru jenis 3.
- iii. Manakala Klinik Desa dan Klinik 1Malaysia Rinching Tengah, pihak PKD Hulu Langat ada memohon untuk menaiktaraf kepada Klinik Kesihatan Jenis 3 atau 4.
- iv. Bagi Klinik Desa Sesapan Batu Minangkabau, Klinik Desa Broga dan Klinik Desa Rinching Hilir tiada perancangan untuk menaiktaraf kerana kedatangan pesakit sangat kurang (< 30 orang sehari).
- v. Bagi Klinik Desa Sg Lalang dan Klinik Desa Bangi Lama dalam perancangan untuk menaiktaraf kepada Klinik Desa Jenis 2G tetapi tanah yang sediada tidak mencukupi untuk membina klinik tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : TANAH

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ADUN diberikan ruang untuk terlibat secara langsung dalam isu tanah yang melibatkan kawasan ADUN?

JAWAPAN:

- a) Tiada pengkhususan tertentu berkaitan penglibatan Ahli Dewan Negeri (ADN) dalam isu tanah di daerah. Walau bagaimanapun, pandangan ADN seperti yang melibatkan bantahan penduduk mengenai sesuatu pembangunan di kawasan tersebut diambil kira oleh Jabatan / Agensi berkaitan. Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) di bawah Dewan Negeri, Negeri Selangor yang dianggotai oleh ADN bertindak sebagai jawatankuasa semak dan imbang kepada pelaksanaan polisi dan dasar berkaitan tanah Kerajaan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TANAH REZAB MELAYU

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kluasan dan milikan Tanah Rezab Melayu yang masih kekal sehingga Jun 2018?
- b) Berapakah jumlah kluasan dan/atau milikan Tanah Rezab Melayu yang diberi kelulusan oleh MMKN untuk dipindah milik kepada bukan Bumiputera dari tahun 2008 sehingga 2018?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, rekod khusus yang didapati melalui aplikasi Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah bagi jumlah hakmilik dan kluasan hakmilik Tanah Rezab Melayu yang masih kekal sehingga Jun 2018 adalah sebanyak **161,881 hakmilik** iaitu **280,880 hektar** (694,069.60 ekar). Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

**JUMLAH HAKMILIK DAN KLUASAN TANAH REZAB MELAYU MENGIKUT
DAERAH DARI TAHUN 2015-2017**

BIL	DAERAH	BILANGAN HAKMILIK	JUMLAH KLUASAN (HEKTAR)
1	GOMBAK	7,042	9,257.52
2	PETALING	2,800	5,174.85
3	HULU SELANGOR	10,939	10,824.14
4	KUALA SELANGOR	19,914	22,912.60
5	HULU LANGAT	16,190	56,797.13
6	KUALA LANGAT	18,988	25,248.38
7	SABAK BERNAM	28,005	74,466.34
8	KLANG	32,429	30,342.77

9	SEPANG	25,574	45,856.40
	JUMLAH	161,881	280,880

*Sumber: Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) sehingga 23 Ogos 2018

- b) Tiada sebarang transaksi atau kelulusan yang diberikan oleh MMKN untuk memindah milik Tanah Rezab Melayu kepada Bukan Bumiputera kerana hanya Bumiputera Melayu sahaja yang boleh memiliki Tanah Rezab Melayu.

Walau bagaimanapun, bagi pemilikan sedia ada Bukan Bumiputera dalam Tanah Rezab Melayu, pemilik adalah pemilik asal yang menduduki Rezab Melayu, bukan melalui kelulusan pindah milik oleh MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBELAAN UNTUK GOLONGAN MUDA SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri untuk membela & membantu golongan muda untuk mengurus kos sara hidup & ekonomi.
- b) Nyatakan langkah-langkah untuk memastikan golongan muda memanfaatkan kemakmuran Negeri.
- c) Senaraikan program pada 2017 bagi meningkatkan peluang pekerjaan golongan muda serta kos & keberkesanannya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum serta mengambil pelbagai langkah untuk membela dan membantu golongan muda mengurus kos sara hidup ekonomi golongan anak muda di Selangor. Ini berikutan taraf hidup yang semakin meningkat dan pembangunan belia perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan.

Dalam usaha untuk memperkasakan belia Selangor, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai insentif kepada belia di Selangor untuk menjadi usahawan yang berjaya dan juga untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor dengan bantuan perniagaan yang disediakan kepada anak muda.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti di Uptown Shah Alam dan Pasar Seri di Giant, Seksyen 13, Shah Alam.

Seterusnya, Kursus Keusahawanan juga turut disediakan kepada golongan belia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pinjaman melalui HIJRAH Selangor bagi memulakan perniagaan kepada golongan belia untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut :-

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYARAN BALIK	
SKIM 1	3,000.00- 5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00- 10,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00- 20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00- 50,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

- b) Generasi muda merupakan aset penting kepada pembangunan dan kemakmuran sesebuah Negeri. Kerajaan Negeri menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor memandangkan seramai 1,710,846 daripada penduduk Selangor adalah di kalangan generasi muda. Justeru itu, hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan belia di Selangor dizahirkan dengan penubuhan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sejak tahun 2009. PeBT bertindak sebagai ejen dan jentera pelaksana agenda Kerajaan Negeri dalam merealisasikan dasar - dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Di samping itu, generasi muda juga merupakan sumber yang cukup dinamik dan bertenaga serta mampu untuk memberikan sumbangan positif dan bermakna kepada negara. Bakat dan kebolehan mereka mampu digembeling demi negara sekiranya digilap dan diberikan peluang dan usaha ini mampu menjadi pemangkin

kepada perkembangan masyarakat dan negara. Justeru itu, pendekatan berdasarkan pembangunan potensi belia harus segera dilaksanakan agar lebih efektif dan akan memberikan kesan yang berpanjangan. Sehubungan itu, Dasar Belia Selangor telah diwujudkan sebagai kerangka asas kepada Pelan Pembangunan Belia dan melakar gambaran sebenar berkaitan isu, potensi serta peluang yang membabitkan generasi muda di Selangor.

Selain itu, dalam usaha untuk memastikan golongan muda memanfaatkan kemakmuran Negeri, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif di mana golongan muda ini dilibatkan dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri merangkumi 10 teras utama Pembangunan Belia iaitu Pendidikan dan Kemahiran, Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Kebudayaan dan Kesenian, Agama dan Akhlak serta Pengantarabangsaan. Untuk makluman, sebanyak 419 program telah dilaksanakan iaitu sebanyak 137 program telah dianjurkan di bawah Teras Sukan & Kecergasan, 129 program di bawah Teras Kemasyarakatan, Jaringan Komuniti & Kesukarelawan, 80 program di bawah Teras Agama dan Akhlak dan 73 program di bawah Teras Kesejahteraan dan Kesihatan. Melalui program-proram yang telah dilaksanakan, ia dapat melahirkan generasi muda yang sihat, berdaya saing, berkeyakinan tinggi, berdisiplin, berkepimpinan dan berintegriti.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memperkasakan belia di Selangor dan telah mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan peluang pekerjaan supaya golongan belia memiliki sumber pendapatan sendiri sekaligus mengelakkan penganguran dan kesempitan hidup golongan belia. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan taraf hidup golongan belia di Selangor dengan melaksanakan pelbagai program sebagaimana berikut :-

Bil	Program	Peruntukan (RM)
1	Program Perintis Usahawan (PPU)	50,600.00
2.	Program Tunas Niaga (PROTUNe)	873,825.00
3	Program Usahawan Mahasiswa PKNS	162,600.00
4.	Program Usahawan Siswazah PKNS (GROW)	171,000.00
5.	Program Karnival Kerjaya (Selangor Job Fair)	300,000.00
6.	Program Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma	5,000,000.00
7.	Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat	8,000,000.00

Bil	Program	Peruntukan (RM)
	Selangor (RKRS)	
8.	Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)	5,000,000.00
9.	Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)	52,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		71,558,025.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)

TAJUK : KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua sistem operasi mahkamah telah berfungsi dengan baik?
- b) Berapakah anggaran kos penyelenggaraan dan adakah syarikat pembinaan masih berperanan?

JAWAPAN:

- a) Sistem operasi pengurusan dan perbicaraan kes Mahkamah Syariah Selangor secara umumnya masih dapat berjalan seperti biasa. Namun, Mahkamah Syariah Selangor sedang berhadapan dengan masalah kekurangan jawatan Hakim dan kakitangan sokongan yang serius kerana peningkatan pendaftaran kes pada setiap tahun. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sebanyak 60 jawatan kontrak tambahan bagi membantu mengurangkan masalah kekurangan perjawatan tersebut. Namun, dengan peningkatan jumlah pendaftaran kes yang tinggi, jumlah pertambahan jawatan tersebut masih tidak dapat menampung jumlah kes yang didaftarkan. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah mengemukakan permohonan baharu bagi pertambahan jawatan kontrak sebanyak 64 perjawatan.

Selain itu, gred jawatan hakim dan beberapa jawatan penting di Mahkamah Syariah Selangor juga adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan beban kerja dan kompleksiti tugas yang terpaksa ditanggung dan jika dibandingkan dengan gred jawatan yang sama bagi Mahkamah Syariah beberapa Negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Perak dan Terengganu. JAKESS tidak dapat membuat permohonan untuk menaik taraf semua jawatan kerana pada masa ini kerajaan masih mengekalkan dasar *trade off* bagi pelaksanaan sebarang cadangan untuk pertambahan jawatan tetap atau cadangan untuk menaik taraf jawatan sedia ada. Dasar *trade off* bermaksud, menukar ganti jawatan sedia ada bagi tujuan pewujudan jawatan baru atau naik taraf perjawatan sedia ada.

Bagi sistem operasi yang melibatkan infrastruktur bangunan, pada masa ini, semua bangunan baru Mahkamah Syariah Selangor sedang berhadapan dengan

isu kerosakan yang melibatkan kefungsian dan keselamatan. Masalah ini disebabkan oleh kualiti pembinaan yang rendah.

- b) Untuk pengetahuan ahli YB, Bangunan Mahkamah Syariah di Negeri Selangor telah dibina oleh pihak Amanah Raya Berhad (ARB) berkonsepkan dengan izin *Build-Lease-Transfer* (BLT). Menerusi konsep ini, semua kos pembinaan ditanggung oleh ARB dan premis-premis berkenaan disewakan kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh 20 tahun, yang mana sebahagianya bermula pada tahun 2011. Apabila tamat tempoh pajakan kelak, premis-premis tersebut akan diserah sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri. Meskipun begitu, ARB telah gagal untuk menyempurnakan tanggungjawab mereka untuk membaiki semua kerosakan yang berada di bawah tanggungjawab mereka. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan dan suasana yang tidak kondusif kepada warga kerja dan pelanggan Mahkamah Syariah Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri terpaksa memperuntukkan kos penyelenggaraan untuk semua bangunan Mahkamah Syariah sebanyak RM452,000.00 bagi tahun 2018 sedangkan Kerajaan Negeri juga membayar kos sewaan sebanyak RM1,384,126.98 sebulan untuk lapan buah mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)

TAJUK : PENCEROBOH TANAH

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penceroboh tanah kerap berlaku di kawasan Bandar Country Homes, Sungai Bakau dan Batu Arang, nyatakan tindakan yang telah diambil dan akan diambil.
- b) Apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan atas isu penceroboh tanah?
- c) Nyatakan SOP tindakan atas aduan penceroboh tanah.

JAWAPAN:

- a) Bagi kawasan-kawasan yang telah dinyatakan, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengawal pencerobohan tanah kerajaan. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah penyampaian notis, pemasangan papan tanda larangan menceroboh dan juga operasi perobohan selain daripada perampasan jentera. Dalam masa yang sama, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak turut melaksanakan pemantauan sebagai aspek kawalan.
- b) Dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan, ianya bukanlah suatu perkara yang boleh dilaksanakan secara terus. Namun demikian, kekangan di dalam melaksanakan suatu tindakan pastinya wujud. Antara perkara yang dilihat merencangkan tindakan ke atas pencerobohan tanah adalah tiadanya punca kuasa yang khusus untuk anggota penguatkuasaan di bawah mana-mana seksyen Kanun Tanah Negara (KTN) mahupun Kaedah Tanah Selangor (KTS) untuk apa kes sekalipun. Hanya Pentadbir Tanah atau Penolong Pegawai Tanah yang mempunyai kuasa berkenaan seperti mana yang dinyatakan di bawah KTN dan KTS. Memandangkan hanya ada empat (4) penolong pegawai tanah yang menyelia empat kumpulan di Unit Penguatkuasa untuk mengawal selia Daerah Gombak yang luas ini justeru kekangan penguatkuasaan tidak dapat dielakkan. Selain itu wujudnya unsur ugutan, tindakan agresif dan gangsterisme dari penceroboh dan gangguan dari pihak ketiga yang turut menggugat tindakan penguatkuasaan. Faktor-faktor yang dinyatakan ini menjadi kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan atas isu penceroboh tanah.

- c) Secara amnya tiada *Standard Operating Procedures (SOP)* khusus yang dikuatkuasa di bawah KTN, hanya SOP dalaman di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang disediakan oleh Pentadbir Tanah Gombak yang digunakan sebelum suatu tindakan penguatkuasaan dijalankan. SOP ini adalah berbeza di antara semua PDT di Selangor walau bagaimanapun ini adalah berdasarkan kaedah terbaik (*best practices*) yang dirangka berdasarkan kesesuaian di Daerah Gombak. Antara SOP yang diamalkan adalah menerima aduan daripada masyarakat ataupun daripada hasil rondaan. Selepas suatu aduan diterima, ianya akan diproses di dalam bentuk laporan bagi memastikan kesahihan aduan tersebut. Sekiranya tiada sebarang pencerobohan tanah kerajaan berlaku, ianya akan dimaklumkan kembali kepada pengadu. Namun demikian, sekiranya aduan tersebut adalah berasas maka langkah selanjutnya akan diambil seperti penghantaran notis, pemasangan papan tanda larangan menceroboh dan tindakan penguatkuasaan sekiranya diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MEMBINA KOMPLEKS SUKAN PELBAGAI GUNA

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk membina kompleks sukan pelbagai guna di dalam DUN Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina Kompleks Sukan pelbagai guna di dalam DUN Taman Templer. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor akan melihat keperluan di masa akan datang untuk membina sebarang kompleks atau kemudahan sukan di DUN Taman Templer.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : STATUS PENYAKIT DENGGI DI SELANGOR

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status demam denggi dan denggi berdarah di seluruh kawasan Selangor?
- b) Melalui program Peduli Sihat, berapakah jumlah 'Spot Test' Denggi yang dilakukan di klinik-klinik panel Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 15, 93, 141, 181 dan 217.